



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI MELAKA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Kerajaan Negeri Melaka dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 11 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Melaka dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Melaka untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatas kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Melaka;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Melaka sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Kerajaan Negeri Melaka hendaklah memastikan perekodan setiap urus niaga berdasarkan konsep berhemat (Prudence Concept) dan wujud konsistensi bagi perkara berikut:

- a. Penjualan bangunan Wisma Melaka di Mesir yang dibuat secara pelarasan kontra antara pinjaman Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dengan hasil jualan harta benda Kerajaan negeri perlu mengambil kira keperluan untuk tidak melakukan kontra (offsetting) kerana ia tidak selaras dengan kerangka kerja perakaunan.
- b. Kerajaan negeri sepatutnya membuat kaedah pengiktirafan hasil terimaan bayaran balik pinjaman daripada MAIM mengikut nilai anuiti yang ditetapkan dalam perjanjian.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
29 JULAI 2022



LAMPIRAN II

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS)* – *Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting* dan;
- b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Melaka.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan yang menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2021.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2021.



DATUK SALHAH BINTI SALLEH

Pegawai Kewangan Negeri

25 Julai 2022



NORIFAH BINTI NORDIN

Bendahari Negeri

25 Julai 2022

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021**

		2021	2020
		RM	RM
<u>NOTA</u>			
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	151,143,162.48	91,063,925.17
PELABURAN	4	106,967,614.87	69,341,888.93
		258,110,777.35	160,405,814.10
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	8,668,636.25	(57,156,288.69)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	-	-
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	249,442,141.10	217,562,102.79
		258,110,777.35	160,405,814.10

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	<u>NOTA</u>	2021		2020	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		116,160,418.77		112,127,115.99	
Hasil Bukan Cukai		308,655,460.70		219,977,181.29	
Terimaan Bukan Hasil		<u>33,430,363.32</u>	<u>456,246,242.79</u>	<u>60,777,836.38</u>	<u>392,882,133.86</u>
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		<u>370.00</u>	<u>370.00</u>	<u>80.00</u>	<u>80.00</u>
Terimaan Modal	7				
Terimaan Balik Pinjaman		-		-	
Jualan Aset Modal		-		-	
Pelbagai Terimaan Modal		<u>25,355,369.88</u>		<u>24,391,209.80</u>	
Jualan Instrumen Kewangan		-	<u>25,355,369.88</u>	-	<u>24,391,209.80</u>
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah*		<u>41,222,889.75</u>	<u>41,222,889.75</u>	<u>37,197,524.32</u>	<u>37,197,524.32</u>
JUMLAH TERIMAAN		<u>525,024,872.42</u>		<u>454,670,947.98</u>	
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		110,930,231.04		106,246,038.34	
Perkhidmatan dan Bekalan		<u>153,870,652.34</u>		<u>153,313,288.39</u>	
Aset		<u>5,981,102.57</u>		<u>6,278,439.78</u>	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap**		<u>81,323,980.23</u>		<u>86,625,289.22</u>	
Perbelanjaan Lain		<u>3,515,351.67</u>	<u>357,621,317.85</u>	<u>1,072,491.77</u>	<u>355,735,547.70</u>
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		<u>69,698,221.32</u>		<u>67,176,874.11</u>	
Pinjaman		-	<u>69,698,221.32</u>	-	<u>67,176,874.11</u>
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		<u>370.00</u>	<u>370.00</u>	<u>80.00</u>	<u>80.00</u>
Perbelanjaan Modal	4				
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>37,625,725.94</u>	<u>37,625,725.94</u>	<u>803,264.83</u>	<u>803,264.83</u>
Perbelanjaan Amanah					
Bayaran Amanah		-	-	-	-
JUMLAH BAYARAN		<u>464,945,635.11</u>		<u>423,715,766.64</u>	
Tambahan/[Kurangan] Wang Tunai			<u>60,079,237.31</u>		<u>30,955,181.34</u>
Wang Tunai Pada 1 Januari			<u>91,063,925.17</u>		<u>60,108,743.83</u>
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>151,143,162.48</u>		<u>91,063,925.17</u>	

Nota:-

*Amanah terimaan adalah amanah berikut urutan mengambil tuntutan dan baki kredit sepanjang tahun 2021.

**Baki terimaan pinjaman ke kumpulan Wang Amanah Perbangunan.

LAMPIRAN V

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

		2021		2020
		ANGGARAN	SEBENAR	SEBENAR
		RM	RM	RM
NOTA				
HASIL	5	445,960,000.00	458,246,242.79	392,882,133.86
<i>Tolak:</i>				
Belanja Mengurus*	5	445,857,500.00	357,621,317.85	355,735,547.70
LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL		102,500.00	100,624,924.94	37,146,586.16
<i>Tolak:</i>				
Belanja Pembangunan	7(a)(i)	75,000,000.00	69,698,221.32	67,176,874.11
LEBIHAN/(KURANGAN) KESELURUHAN		(74,897,500.00)	30,926,703.62	(30,030,287.95)
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri			-	-
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7(a)(i)		25,555,369.88	24,591,209.80
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4,7		(56,482,073.50)	5,439,078.15
JUMLAH PEMBIAYAAN		(30,926,703.62)	30,030,287.95	

Note: (*) Belanja Mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan.

LAMPIRAN VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2021

		2021	2020
		RM	RM
MEMORANDUM ASET	<u>NOTA</u>		
Pinjaman Boleh Dituntut	8(a)	456,335,584.53	420,696,675.99
Pelaburan	8(b)	143,002,454.99	182,657,174.99
MEMORANDUM LIABILITI			
Hutang Awam	9(a)	640,151,473.48	643,035,776.88
Jaminan Berkanun	9(b)	48,606,266.69	53,364,555.14

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpul menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung

Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.

- d) Entiti Perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting (IPSAS) - Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pada 31 Disember 2021, Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM50,000,000.00 telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis IPSAS*.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Wang Khas Tabung Bencana.

Wang Tunai pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut :

PERIHAL	2021	2020
	RM	RM
WANG TUNAI	151,143,162.48	91,063,925.17
Wang Tunai Dalam Bank	*150,146,567.98	90,071,725.17
Wang Tunai Dalam Perjalanan	4,394.50	-
Wang Tunai Dalam Tangan	992,200.00	992,200.00

*Nota: Amaun wang tunai dalam bank adalah termasuk baki tunai di Bank Islam Lembaga Tabung Amanah Melaka.

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan Suratcara Amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021		2020	
	Nilai Buku		Nilai Buku	
	RM	RM	RM	RM
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
PELABURAN	106,967,614.87			69,341,888.93
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah				
Tabung Amanah Melaka				
Saham Tersiar Harga	13,897,642.87	-	12,591,888.93	-
Deposit	20,500,000.00	-	17,500,000.00	-
Pengurus Dana	24,000,000.00	-	20,000,000.00	-
Sukuk	3,000,000.00	-	4,000,000.00	-
Tabung Amanah Pemuliharaan & Pemugaran Simpanan Tetap	1,600,000.00	-	1,600,000.00	-
Tabung Amanah Pembangunan Nelayan Melaka Simpanan Tetap	2,000,000.00	-	2,000,000.00	-
Tabung Amanah Simpanan Negeri Simpanan Tetap	5,969,972.00	-	650,000.00	-
Simpanan Tetap Bank Tempatan				
Affin Bank Berhad	-	7,000,000.00	-	4,000,000.00
RHB Bank	-	4,000,000.00	-	4,000,000.00
Affin Hwang Aset Management	-	-	-	3,000,000.00
Bank Islam, Ayer Keroh	-	2,000,000.00	-	-
Bank Islam, Masjid Tanah	-	6,000,000.00	-	-
Bank Islam Jasin	-	4,000,000.00	-	-
Bank Islam Bandar Melaka	-	8,000,000.00	-	-
Bank Muamalat	-	2,000,000.00	-	-
CO-OP Bank Pertama	-	3,000,000.00	-	-
Jumlah	70,967,614.87	36,000,000.00	58,341,888.93	11,000,000.00

Note: * Perbelanjaan Modal adalah RM106,967,614.87-RM69,341,888.93= RM37,625,725.94

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021			2020		
	Anggaran		Sebenar	Sebenar		
	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran	
Baki Pada 1 Januari		(57,156,288.69)		(73,302,874.85)		
HASIL						
Hasil Cukai	155,787,348.30	116,160,418.77	74.56	112,127,115.99	72.18	
Hasil Bukan Cukai	272,276,092.69	308,655,460.70	113.36	219,977,181.29	124.04	
Terimaan Bukan Hasil	17,896,559.01	33,430,363.32	186.80	60,777,836.58	105.66	
Jumlah Hasil	445,960,000.00	458,246,242.79	102.76	392,882,133.86	100.68	
PERBELANJAAN MENGURUS						
Emolumen	115,328,742.69	110,930,231.04	96.19	108,246,038.34	97.48	
Perkhidmatan dan Bekalan	182,357,527.54	153,870,652.34	84.38	153,513,288.59	95.81	
Aset	6,859,896.00	5,981,102.57	87.19	6,278,439.78	94.66	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	135,575,371.77	81,323,980.23	59.90	86,625,289.22	78.05	
Perbelanjaan Lain- Lain	5,735,962.00	5,515,351.67	96.15	1,072,491.77	95.23	
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	445,857,500.00	357,621,317.85	80.21	355,735,547.70	91.21	
Pindahan Akaun Hasil Disatukan Ke Kumpulan Wang Amanah Pembangunan		34,800,000.00		21,000,000.00		
Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)		392,421,317.85		376,735,547.70		
Lebihan/(Kurangan) bagi tahun		65,824,924.94		16,146,586.16		
Baki Pada 31 Disember		8,668,636.25		(57,156,288.69)		

Nota: (*)- Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Amanah Pembangunan

19

(a) Hasil

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dan diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021				2020	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
			RM	RM	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	105,654,348.30	105,654,348.30	89,801,406.35	85.00	86,770,078.51	82.78
Cukai Parit dan Tali Air	-	-	15.00	-	56.50	-
Cukai Hasil Hutan	650,000.00	650,000.00	55,662.18	8.56	581,765.39	89.50
Royalti	36,470,000.00	36,470,000.00	24,786,257.00	67.96	20,823,674.24	57.57
Cukai Hiburan	13,000,000.00	13,000,000.00	1,507,556.80	11.60	3,938,213.01	30.29
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	13,000.00	13,000.00	9,521.44	73.24	13,328.34	102.53
Jumlah Hasil Cukai	155,787,348.30	155,787,348.30	116,160,418.77	74.56	112,127,115.99	72.18
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	57,309,460.00	57,309,460.00	72,797,665.24	127.03	5,939,954.14	93.08
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	34,790,860.00	34,790,860.00	46,161,878.02	132.68	40,120,864.65	111.76
Perolehan dari Jualan Barang-Barang	148,494,570.00	148,494,570.00	171,483,037.22	115.48	136,743,662.13	122.37
Sewaan	1,592,881.60	1,592,881.60	978,566.56	61.43	837,490.12	24.07
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	13,830,000.00	13,830,000.00	3,917,536.73	28.33	13,456,868.41	88.25
Denda dan Hukuman	10,825,700.00	10,825,700.00	2,834,396.94	26.18	3,747,882.96	81.55
Sumbangan Dan Bayaran Ganti	5,432,621.09	5,432,621.09	10,482,379.99	192.95	19,130,458.88	-
Jumlah Hasil Bukan Cukai	272,276,092.69	272,276,092.69	308,655,460.70	113.36	219,977,181.29	124.04
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik	180,500.00	180,500.00	3,780,955.22	2,094.71	7,510,256.35	2,899.71
Perbelanjaan	17,716,059.01	17,716,059.01	29,501,386.95	166.52	53,258,303.37	93.01
Terimaan daripada Agenzi-agensi Lain-lain	-	-	148,021.15	-	9,276.86	-
Terimaan/Pindahan						
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	17,896,559.01	17,896,559.01	33,430,363.32	186.80	60,777,836.58	105.66
JUMLAH HASIL	445,960,000.00	445,960,000.00	458,246,242.79	102.76	392,882,133.86	100.68

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Negeri.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2021					
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar			
			RM	% Anggaran		
PERBELANJAAN TANGGUNGAN						
T01 Peruntukan TYT Yang DiPertua Negeri Melaka	1,064,561.00	1,064,561.00	1,061,467.96	99.71		
T02 Peruntukan Speaker Dewan Undangan Negeri	814,260.00	814,260.00	761,295.96	93.50		
T03 Bayaran Hutang Kerajaan	1,000,000.00	1,000,000.00	1,000,000.00	100.00		
T04 Pampasan Pencen Dan Ganjaran	6,603,459.00	6,603,459.00	6,481,959.00	98.16		
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	9,482,280.00	9,482,280.00	9,304,722.92	98.13		
MAKSUD PERBELANJAAN						
	ANGGARAN ASAL RM	ANGGARAN DISEMAK RM	SEBENAR			
			RM	%		
PERBELANJAAN BEKALAN						
B01 Pejabat TYT Yang Dipertua Negeri Melaka	4,729,114.00	4,729,114.00	4,273,365.00	90.36		
B02 Dewan Undangan Negeri	18,925,771.00	18,925,771.00	16,619,737.62	87.82		
B03 Jabatan Ketua Menteri	68,443,407.00	68,443,407.00	62,106,566.35	90.74		
B04 Jabatan Pertanian	5,687,678.00	5,687,678.00	5,494,475.14	96.60		
B05 Pejabat Tanah dan Galian	10,488,709.00	10,488,709.00	10,146,421.37	96.74		
B06 Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	9,512,459.00	9,512,459.00	9,179,664.04	96.50		
B07 Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	8,906,269.00	8,906,269.00	8,378,728.22	94.08		
B08 Pejabat Daerah dan Tanah Jasin	8,173,981.00	8,173,981.00	7,757,679.89	94.91		
B09 Sumbangan Kepada Kumpulan Wang Berkamun	53,939,980.00	53,939,980.00	18,600,000.00	34.48		

MAKSUD PERBELANJAAN	2021			
	ANGGARAN ASAL RM	ANGGARAN DISEMAK RM	SEBENAR RM	ANGGARAN %
B10 Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka	10,577,541.00	10,577,541.00	10,393,153.01	98.26
B11 Jabatan Perhutanan Melaka	2,476,980.00	2,476,980.00	2,366,452.11	95.54
B12 Jabatan Kerja Raya Melaka	29,166,966.00	29,166,966.00	28,561,500.86	97.92
B13 Jabatan Agama Islam Melaka	71,203,072.00	71,203,072.00	69,402,046.81	97.47
B14 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka	16,967,656.00	16,967,656.00	16,013,621.67	94.38
B15 Pejabat Kewangan dan Perbadanan Negeri Melaka	7,094,200.00	7,094,200.00	6,154,699.25	86.76
B16 Jabatan Perkhidmatan Halwan Negeri Melaka	3,506,479.00	3,506,479.00	3,356,775.50	95.73
B17 Jabatan Perancang Bandar dan Desa	4,159,753.00	4,159,753.00	3,953,499.21	95.04
B18 Mahkamah Syariah Negeri Melaka	4,878,989.00	4,878,989.00	4,700,093.05	96.33
B19 Pejabat Mufti Negeri Melaka	3,131,090.00	3,131,090.00	3,005,725.12	96.00
B20 Jabatan Kewangan dan Perbadanan Melaka	92,774,593.00	92,774,593.00	56,440,306.73	60.84
B21 Jabatan Pendakwaan Syariah Melaka	1,630,533.00	1,630,533.00	1,412,083.98	86.60
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	436,375,220.00	436,375,220.00	348,316,594.93	87.80
PERBELANJAAN MENGURUS (SEBELUM PINDAHAN)	445,857,500.00	445,857,500.00	357,621,317.85	
PINDAHAN AKAUN HASIL DISATUKAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN (DARI B09- SUMBANGAN KEPADA KUMPULAN WANG BERKANUN)			34,800,000.00	
PERBELANJAAN MENGURUS (SELEPAS PINDAHAN)			392,421,317.85	88.01

Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 – Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang.

Bayaran faedah hutang Kerajaan Negeri tidak diakaun di Akaun Pinjaman Disatukan sebaliknya dikenakan kepada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan T03 berjumlah RM1,000,000.00 seperti di Nota 5(b).

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Perihal	2021		2020	
	(Debit)/Kredit RM		(Debit)/Kredit RM	
Projek Bekalan Air				
Baki Pada 1 Januari	-		-	
Terimaan	370.00		80.00	
Bayaran	370.00		80.00	
Baki Pada 31 Disember	-		-	
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	-		-	

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, Akta-akta Amanah, Arahan Amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, urusniaga semasa terdiri daripada Akaun Penyelesaian yang mengakaunkan urusniaga bagi Akaun Kawalan dan Akaun Kena Bayar. Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki Pada 01.01.2021 (Debit)/Kredit RM	Debit RM	Kredit RM	Baki Pada 31.12.2021 (Debit)/Kredit RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan (KWP)	(551,418,346.77)	69,698,221.32	60,355,369.88	(560,761,198.21)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	-	3,397.13	3,397.13	-
Akaun Penyelesaian	419,968,840.32	1,541,779,392.88	1,562,779,912.88	440,969,360.32
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	210,625,861.84	430,991,312.56	461,718,336.70	241,352,885.98
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	79,176,355.39	2,042,472,323.89	2,084,857,016.59	121,561,048.09
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Amanah Khas dan Am	99,284,262.00	97,060,483.59	83,501,203.11	85,724,981.52
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	99,284,262.00	97,060,483.59	83,501,203.11	85,724,981.52
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	35,715,656.48	33,351,397.01	37,413,045.56	39,777,305.03
Deposit Khusus	1,080,952.05	351,587.75	189,516.40	918,880.70
Deposit Pelarasan	2,304,876.87	4,434,997.75	3,590,046.64	1,459,925.76
Jumlah Akaun Deposit	39,101,485.40	38,137,982.51	41,192,608.60	42,156,111.49
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	217,562,102.79	2,177,670,789.99	2,209,550,828.30	249,442,141.10

(a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan, Akaun Penyelesaian dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- i) Kumpulan Wang Amanah Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur & Kesejahteraan Hidup, Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan dan Pelbagai Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan serta pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini. Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Amanah Pembangunan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
Baki pada 1 Januari	(551,418,346.77)	(529,832,682.46)
TERIMAAN		
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur & Kesejahteraan Hidup	23,639,100.00*	21,139,000.00
Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan	34,800,000.00	21,000,000.00
Pelbagai Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan	1,916,269.88*	3,452,209.80
Jumlah Terimaan	60,355,369.88	45,591,209.80
BAYARAN		
Langsung	69,698,221.32	67,176,874.11
Pinjaman	-	-
Jumlah Bayaran	69,698,221.32	67,176,874.11
Lebihan/ Kurangan bagi tahun	(9,342,851.44)	(21,585,664.31)
Baki pada 31 Disember	(560,761,198.21)	(551,418,346.77)

*Jumlah terimaan modal adalah RM25,555,369.88.

Maklumat terperinci perbelanjaan pembangunan dapat dirujuk di Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

- ii) Akaun Penyelesaian mengakaunkan urusniaga bagi Akaun Kawalan dan Akaun Kena Bayar.

Akaun Penyelesaian pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PENYELESAIAN		
Akauntan Negara Malaysia	50.00	(470.00)
Bayaran Balik Pendahuluan Kerajaan Negeri	-	419,969,310.32*
Pendahuluan Kerajaan Persekutuan	440,969,310.32**	-
Jumlah Akaun Penyelesaian	440,969,360.32	419,968,840.32

*Terdapat perubahan perihal di sistem ISPEKS. Sebelum ini, menggunakan perihal Pendahuluan Bayaran Khas Kewangan Negeri

**Merupakan pelarasan dari Bayaran Balik Pendahuluan Kerajaan Negeri.

iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada akaun yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
AKAUN PINJAMAN		
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	829,021.12	157,772.02
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	1,913,557.90	1,833,798.51
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	1,228,334.14	1,136,277.34
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	285,779.15	350,327.80
Kumpulan Wang Pendahuluan Pelbagai	508,000.00	608,000.00
Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkamun	3,330,366.83	34,258,885.28
Jumlah Akaun Pinjaman	8,095,059.14	38,345,060.95
 KUMPULAN WANG LUAR JANGKA		
Kumpulan Wang Luar Jangka	11,016,700.00	11,016,700.00
Jumlah Kumpulan Wang Luar Jangka	11,016,700.00	11,016,700.00
 AKAUN AMANAH KERAJAAN		
Kumpulan Wang Amanah Pelancongan Negeri Melaka	1,381,984.01	1,348,496.80
Kumpulan Wang Amanah Asnaf Fisabilillah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka – Asnaf	677,768.81	702,413.99
Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka – Biasa	3,934,083.96	5,413,607.63
Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Negeri Melaka	564,669.51	399,979.51
Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Dakwah Negeri Melaka	256,743.56	355,427.56
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hartanah Negeri Melaka	37,386,821.39	30,204,261.75
Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Negeri Melaka	8,688,581.83	5,907,526.66
Kumpulan Wang Amanah Sumbangan Saliran Negeri Melaka	3,358,893.92	1,821,920.93
Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri	33,118,954.24	22,985,463.85
Kumpulan Wang Amanah Projek Perumahan Awam Negeri Melaka	-	24.29

Kumpulan Wang Amanah Rancangan Kelas Pengajian Al-Quran dan Fardu Ain Negeri Melaka	2,099,384.33	2,054,647.73
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan Negeri Melaka	1,283,199.26	1,356,846.33
Kumpulan Wang Amanah Pembelian Peralatan Pusat Pembangunan Kemahiran Perindustrian Negeri Melaka	2,463,765.87	2,634,786.37
Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka	97,361,780.75	69,276,950.32
Kumpulan Wang Amanah Pemuliharaan dan Pemugaraan Negeri Melaka	3,546,722.42	3,736,569.57
Kumpulan Wang Masjid-masjid Negeri Melaka	846,945.30	782,214.40
Kumpulan Wang Amanah Industrial Skills Enhancement Programme (INSEP) & Work Force Technical Transformation (WTP)	2,566,586.58	3,959,668.68
Kumpulan Wang Amanah Tabung Projek Perumahan Terengganu (TPPT) Negeri Melaka	385,637.44	640,821.20
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam Negeri Melaka	745,000.00	1,057,100.72
Kumpulan Wang Amanah Sumber Air Negeri Melaka	5,603,631.58	5,925,372.60
Kumpulan Wang Amanah Simpanan Negeri Melaka	15,969,972.08	700,000.00
Jumlah Akaun Amanah Kerajaan	222,241,126.84	161,264,100.89
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	241,352,885.98	210,625,861.84

Maklumat terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dapat dirujuk di Lampiran 3 – Penyata Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

(b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam bagi setiap Kumpulan Wang Amanah pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
Akaun Amanah Am Negeri Melaka	35,454,870.81	42,083,909.27
Akaun Amanah Tabung Infrastruktur	12,933,951.81	11,660,842.81
Akaun Amanah Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Melaka	21,662,413.71	30,953,630.13
Akaun Amanah Caj Warisan Negeri Melaka	12,831,421.51	13,026,438.11
Akaun Amanah Pengurusan SPEKS	452,128.97	453,238.97
Akaun Amanah JKKK Negeri Melaka	2,017,650.00	707,650.00
Akaun Amanah Kumpulan Bridged Seni Negeri Melaka	87,388.61	115,756.61
Akaun Amanah Seksyen Bahagian Sokongan Keluarga Negeri Melaka	277,350.00	274,990.00
Akaun Amanah Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Melaka (JAKPAW)	7,806.10	7,806.10
Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam	<u>85,724,981.52</u>	<u>99,284,262.00</u>

Maklumat terperinci Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Awam dapat dirujuk di Lampiran 4 – Penyata Kumpulan Wang Amanah Awam bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

(c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus dan Deposit Pelarasan. Deposit Am dan Deposit Khusus adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
DEPOSIT AM		
Deposit Am Jabatan Negeri	1,309,155.39	1,135,876.93
Deposit Cagaran	27,151,734.13	7,789,806.75
Deposit Cagaran Kantin	5,180.00	5,000.00
Deposit Cagaran Sewa Bangunan/ Gerai/ Kedai	5,655.00	7,035.00
Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	8,625,300.74	25,482,503.73
Deposit Wang Tuntutan Bon Pelaksanaan	27,450.00	-
Deposit Cagaran Pelbagai	2,543,817.20	-
Deposit Cukai Hiburan	48,960.00	48,960.00
Deposit Wang Jaminan Rampasan Ternakan	11,865.00	-
Lain-lain Deposit Am	48,187.57	1,246,474.07
Jumlah Deposit Am	<u>39,777,305.03</u>	<u>35,715,656.48</u>
DEPOSIT KHUSUS		
Deposit Mahkamah Tinggi/ Rendah/ Syariah	653,290.00	715,290.00
Deposit Pejabat Tanah	195,000.00	285,000.00
Deposit Pejabat Daerah	48,000.00	60,000.00
Deposit Sistem Kultur Laut	22,590.70	20,662.05
Jumlah Deposit Khusus	<u>918,880.70</u>	<u>1,080,952.05</u>
DEPOSIT PELARASAN		
Deposit Pelarasan Cek Terbatal	1,176,730.28	1,694,699.62
Deposit Pelarasan Dana Elektronik Terbatal	283,195.48	610,177.25
Jumlah Deposit Pelarasan	<u>1,459,925.76</u>	<u>2,304,876.87</u>
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	<u>42,156,111.49</u>	<u>39,101,485.40</u>

Maklumat terperinci Akaun Deposit mengikut Jabatan dapat dirujuk di Lampiran 5 – Penyata Akaun Wang Deposit.

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan Syarikat.

Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
Sumber Persekutuan		
Badan Berkanun	304,582,340.90	298,572,153.81
Jumlah Sumber Persekutuan	304,582,340.90	298,572,153.81
 Sumber Negeri		
Badan Berkanun	47,573,028.73	28,056,882.08
Syarikat	104,180,214.90	94,067,640.10
Jumlah Sumber Negeri	151,753,243.63	122,124,522.18
 Jumlah Pinjaman Boleh Dituntut	456,335,584.53	420,696,675.99

Maklumat terperinci bagi Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 6 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2021.

(b) Pelaburan

Pelaburan adalah pegangan ekuiti dalam syarikat dan pemilikan aset. Pelaburan pada 31 Disember 2021 pada nilai buku adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
Pelaburan pada nilai buku		
Tabung Amanah Melaka (Saham Tak Tersiar)	28,111,131.00	28,111,131.00
Tabung Amanah Melaka (Hartanah)	114,891,323.99	154,546,043.99
 Jumlah Pelaburan	143,002,454.99	182,657,174.99

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 7 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2021.

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam dan Jaminan Berkanun yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

Hutang Awam diklasifikasikan sebagai Pinjaman selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis IPSAS*. Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri daripada semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan yang masih belum diselesaikan untuk membiayai projek-projek Pembangunan Negeri. Hutang Awam pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
DALAM NEGERI		
Badan Berkanun	200,045,728.21	200,420,031.61
Bekalan Air	129,071,773.00	131,281,773.00
Perumahan Awam Kos Rendah	90,159,632.93	90,159,632.93
Pelbagai	220,874,339.34	221,174,339.34
Jumlah Hutang Awam	640,151,473.48	643,035,776.88

Maklumat terperinci Hutang Awam dapat dirujuk di Lampiran 8 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2021.

(b) Jaminan Berkanun

Jaminan Berkanun pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Peminjam	2021 RM	2020 RM
DALAM NEGERI		
BADAN BERKANUN		
Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka	48,606,266.69	53,364,555.14
Jumlah Jaminan Berkanun	48,606,266.69	53,364,555.14

10. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima (ABT) pada 31 Disember 2021 berjumlah RM162,593,064.16, meningkat sebanyak RM19,132,996.45 (13.34%) berbanding RM143,460,067.71 pada 31 Disember 2020. Pecahan ABT pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 RM	2020 RM
Pinjaman dan Pendahuluan*	39,066,894.35	31,481,070.78
Pelbagai Akaun Belum Terima:		
i) Tunggakan Hasil**	82,186,528.60	66,343,192.97
ii) Tunggakan Hutang-hutang Lain	796,665.24	11,453,604.97
iii) Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Tuntut	40,542,975.97	34,182,198.99
Jumlah Akaun Belum Terima	162,593,064.16	143,460,067.71

*Pinjaman dan Pendahuluan terdiri daripada Pinjaman Pendidikan TAPEM dan Pinjaman Kepada Kakitangan sahaja.

**Tunggakan hasil seawan di bawah Kumpulan Wang Amanah Tabung Amanah Melaka telah dikelaskan semula daripada ABT hutang-hutang lain ke ABT hasil.

Jumlah ABT adalah berdasarkan rekod jabatan dan dilaporkan sebagai maklumat tambahan walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.

11. WANG PENDAHULUAN KEPADA KONTRAKTOR

Tiada amaun pendahuluan kepada kontraktor yang belum diimbuhbalik pada 31 Disember 2021.

12. SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Sehingga 31 Disember 2021, terdapat sebanyak 4 buah syarikat berhad menurut jaminan Kerajaan Negeri. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:-

- i) Kolej Universiti Islam Melaka Berhad
- ii) Institut Pengurusan Dan Integriti Melaka
- iii) Institut Tun Perak
- iv) Institut Warisan Melaka